

1103/1
Bahasa Melayu
Kertas 1
Ogos – September 2025
Kriteria Penskoran
dan Perincian
Pemarkahan



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2025**

BAHASA MELAYU

Kertas 1

**KRITERIA PENSKORAN DAN
PERINCIAN PEMARKAHAN**

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh diterbitkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 21 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak.

Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan
[30 markah]

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30	<u>Tema/Tugasan</u> Karangan menepati tema bahan rangsangan / tugasan.
	(28 – 30)	<u>Idea</u> Idea relevan dengan tema bahan rangsangan / tugasan.
	(26 – 27)	- Huraian jelas dan matang. <u>Bahasa</u> - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. - Penggunaan ungkapan menarik sesuai dan tepat. - Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. - Penggunaan tanda baca betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan menarik dan berkesan. - Laras bahasa sesuai mengikut tugasan. - Wacana lengkap. - Pemerenggan sesuai. * Ungkapan menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmah, petikan hadis, maksud ayat al-Quran dan lain-lain.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Kepujian	20 – 25	<u>Tema/Tugasan</u> Karangan menepati tema bahan rangsangan / tugas.
	(23 – 25)	<u>Idea</u> Idea relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas.
	(20 – 22)	Huraian jelas.
		<u>Bahasa</u> - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata luas. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. - Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. - Penggunaan tanda baca betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan menarik. - Laras bahasa sesuai mengikut tugas. - Wacana lengkap. - Pemerenggan sesuai.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Memuaskan	15 – 19	<u>Tema/Tugasan</u> Karangan masih menepati tema bahan rangsangan / tugas.
	(17 – 19)	<u>Idea</u> - Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas - Huraian masih jelas.
	(15 – 16)	<u>Bahasa</u> - Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata masih luas / terhad. - Unsur bahasa yang digunakan masih bervariasi. - Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. - Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan masih menarik. - Laras bahasa masih sesuai mengikut tugas. - Wacana masih lengkap. - Pemerenggan masih sesuai.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Penguasaan Minimum	10 – 14 (12 – 14) (10 – 11)	<u>Tema/Tugasan</u> - Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan / tugasan. <u>Idea</u> - Idea kurang relevan dengan rangsangan / tugasan. - Huraian kurang jelas. <u>Bahasa</u> - Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. - Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. - Penggunaan kosa kata terhad. - Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi. - Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan kurang menarik. - Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugasan. - Wacana kurang lengkap. - Pemerenggan kurang sesuai.
Tidak Mencapai Tahap Penguasaan Minimum	1 – 9 (6 – 9) (1 – 5)	- Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. - Idea tidak menepati tema bahan rangsangan / tugasan. - Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.

PERINCIAN PEMARKAHAN BAHAGAIAN A**Cara Pemeriksaan****Maklumat Tambahan**

1. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan – **maksimum peringkat KEPUJIAN**
2. Calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan - **maksimum peringkat MEMUASKAN**
3. Jika calon menulis dalam bentuk point – **maksimum peringkat TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)**

4. Cara menanda kesalahan isi, ejaan, dan tanda baca :

() = Kesalahan isi

___ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

○ = Kesalahan tanda baca

Bahagian B: Karangan Respons Terbuka
[70 markah]

PERINCIAN PEMARKAHAN

Cara Pemeriksaan

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan :
 - a. Kurang daripada 350 perkataan, *impression* akan turun. – **PERINGKAT KEPUJIAN**
 - b. Bilangan perkataan 339 dan ke bawah – **maksimum PERINGKAT BAIK**
 - c. Melebihi 500 patah perkataan. – **PERINGKAT CEMERLANG BAWAH**
 - d. Bilangan perkataan 511 dan ke atas – **maksimum PERINGKAT KEPUJIAN**
 - e. Pemarkahan hanya diberi sehingga 500 bilangan patah perkataan sahaja. Buat garisan panjang bagi bilangan patah perkataan yang melebihi 500 patah perkataan. Pemeriksa perlu membaca skrip calon sehingga habis bagi mendapatkan pemeringkatan markah yang sebenar.
 - f. Jika calon menulis dalam bentuk point – **maksimum peringkat TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM**
3. Cara menanda kesalahan isi, ejaan, dan tanda baca :
 - () = Kesalahan isi
 - ___ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan
 - / = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
 - // = Kesalahan ejaan yang berulang
 - = Kesalahan tanda baca

KRITERIA

KRITERIA	DESKRIPSI
1. BAHASA (Mekanis)	• Kegramatisan: - kata (morfologi) - ayat (sintaksis) • Tanda baca • Ejaan
2. LARAS (Dinamis)	• Pemilihan kosa kata
3. IDEA (ISI)	• Tema • Isi utama • Pengembangan (huraian / bahasa / hujahan / contoh) • Kerelevanan
4. PENGOLAHAN	• Wacana • Logik • Pemerenggan • Format
5. GAYA BAHASA	• Keindahan bahasa • Ungkapan • Peribahasa

BAHAGIAN B : Karangan Respon Terbuka**(70 Markah)**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	64 – 70 (68 – 70) (64 – 67)	Tugasan • Karangan menjawab tugas. Idea • Idea relevan mengikut tugas. • Huraian jelas dan matang. • Contoh yang sesuai amat menarik dari segi keindahan bahasa. Bahasa • Penggunaan pelbagai ayat yang gramatis. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. • Penggunaan kosa kata yang luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Penggunaan unsur bahasa bervariasi. • Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. Pengolahan • Pengolahan sangat menarik dan berkesan • Pemerenggan yang sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Laras bahasa sesuai dengan tugas.

[Lihat halaman sebelah

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Kepujian	55 – 63 (59 – 63) (55 – 58)	Tugasan • Karangan menjawab tugas. Idea • Idea relevan mengikut tugas. • Huraian jelas. • Contoh yang sesuai. Bahasa • Penggunaan pelbagai ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. • Penggunaan kosa kata yang luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. Pengolahan • Pengolahan menarik dan berkesan. • Pemerenggan yang sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Laras bahasa sesuai dengan tugas.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Baik	45 – 54 (50 – 54) (45 – 49)	Tugasan • Karangan masih menjawab tugas. Idea • Idea masih relevan mengikut tugas. • Huraian masih jelas. • Contoh masih sesuai. Bahasa • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai • Penggunaan kosa kata umum. • Ejaan dan tanda baca masih betul. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. Pengolahan • Pengolahan masih menarik. • Pemerenggan masih sesuai. • Wacana masih lengkap. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Memuaskan	35 – 44 (40 – 44) (35 – 39)	Tugasan - Karangan masih / kurang menjawab tugas. Idea - Idea masih relevan mengikut tugas. - Huraian kurang jelas . - Contoh kurang sesuai. Bahasa - Ayat kurang gramatis. - Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad. - Penggunaan kosa kata umum dan terhad. - Ejaan dan tanda baca masih betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. - Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. - Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. Pengolahan - Pengolahan kurang menarik. - Pemerenggan kurang sesuai. - Wacana masih / kurang lengkap. - Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Penguasaan Minimum	21 – 34 (28 – 34) (21 – 27)	Tugasan - Karangan kurang menjawab tugasan. Idea - Idea masih relevan mengikut tugasan / bercampur aduk. - Huraian tidak jelas / tidak berkembang - Contoh yang tidak sesuai. Bahasa - Ayat yang tidak gramatis tetapi masih difahami. - Penggunaan kata kurang tepat. - Penggunaan kosa kata umum dan terhad. - Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. - Penggunaan unsur bahasa tidak bervariasi. - Gaya bahasa lemah dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan. Pengolahan - Pengolahan tidak menarik. - Pemerenggan tidak sesuai / tidak seimbang. - Wacana tidak lengkap.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Tidak Mencapai Tahap Penguasaan Minimum	1 – 20 (11 – 20) (01 – 10)	• Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami. • Idea tidak relevan / bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang serta contoh tidak sesuai. • Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik. • Pengolahan tidak menarik. • Pemerenggan tidak sesuai dan tidak seimbang. • Wacana tidak lengkap.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

PANDUAN PEMERIKSAAN BAHAGIAN A & BAHAGIAN B

BAHAGIAN A [30 markah]

1. Format penulisan komen :

T - menepati tema

I - relevan, huraian jelas

B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas

P - sangat menarik dan berkesan

Soalan

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan jenayah siber di Malaysia.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang jenayah siber dalam kalangan masyarakat.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Kehendak / Tugas Soalan :

- (i) Calon dikehendaki menghuraikan / menerangkan langkah - langkah menangani jenayah siber.
- (ii) Calon perlu **menyentuh idea dalam bahan** sama ada sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.
- (iii) Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan langkah – langkah menangani jenayah siber – **(Diterima dan disemak seperti biasa)**
- (iv) Jika calon tidak menyentuh bahan – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
- (v) Jika calon tidak menjawab tugas berkaitan langkah – langkah menangani tetapi menjawab tema – maksimum peringkat **MEMUASKAN**
- (vi) Jika calon tidak menjawab tugas dan tema – maksimum peringkat **PENGUASAAN MINIMUM**

MAKLUMAT TAMBAHAN

- 1. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
- 2. Calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan - maksimum peringkat **MEMUASKAN**
- 3. Jika calon menulis dalam bentuk point – maksimum peringkat **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTMPM)**

[Lihat halaman sebelah
SULIT

BAHAGIAN B

1. Format penulisan komen :

T - menepati tema**I - relevan, huraian jelas****B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat****P - sangat menarik dan berkesan**

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500 patah perkataan**.

1

Generasi kini harus menghargai pengorbanan tokoh dan pahlawan yang mempertahankan kedaulatan negara. Antara cara yang boleh dilaksanakan termasuklah menamakan bangunan atau jalan dengan nama tokoh. Selain itu, ibu bapa boleh membawa anak-anak melawat muzium atau tempat bersejarah di negara kita. Penggubah lagu dan penggiat filem juga boleh menghasilkan lagu serta memperbanyak filem atau dokumentari mengenai tokoh dan pahlawan negara.

Sumber : *Dewan Siswa*, Bil. 08/2024

SOALAN

Berdasarkan petikan , huraikan cara-cara penghargaan tersebut.

Kehendak / tugas soal

1. Calon dikehendaki **menghuraikan cara-cara penghargaan** seperti yang terdapat dalam petikan iaitu :
 - (i) menamakan bangunan atau jalan dengan nama tokoh
 - (ii) ibu bapa boleh membawa anak-anak melawat muzium atau tempat bersejarah di negara kita
 - (iii) penggubah lagu dan penggiat filem juga boleh menghasilkan lagu serta memperbanyak filem atau dokumentari mengenai tokoh dan pahlawan negara

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan cara – **terima seperti biasa**.
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
4. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum peringkat **BAIK**.

2

Pendedahan terhadap aktiviti riadah seperti berbasikal, berjoging, mendaki gunung, dan memanah dalam kalangan remaja sejak awal usia dapat menjadikan mereka cergas dan cerdas. Secara tidak langsung, golongan remaja dapat mengekalkan tahap kesihatan yang baik, membentuk hubungan komunikasi yang baik dan dapat menerapkan perasaan cinta akan alam semula jadi.

Sumber: *Dewan Siswa*, Bil. 7/2020

SOALAN

Huraikan kesan-kesan tersebut.

Kehendak / tugasan soalan

1. Calon dikehendaki **menghuraikan kesan-kesan aktiviti riadah** seperti yang terdapat dalam petikan iaitu :
 - (i) dapat menjadikan mereka cergas dan cerdas
 - (ii) golongan remaja dapat mengekalkan tahap kesihatan yang baik
 - (iii) membentuk hubungan komunikasi yang baik
 - (iv) dapat menerapkan perasaan cinta akan alam semula jadi

Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan kesan – **terima seperti biasa**.
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja – **maksimum peringkat KEPUJIAN**.
4. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – **maksimum peringkat BAIK**.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

3

Terdapat generasi muda yang tidak berminat untuk menyambung pelajaran sejurus tamat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek menyatakan bahawa sejumlah 180,680 atau 48.74 peratus lepasan SPM sesi persekolahan tahun 2021 memilih untuk tidak menyambung pengajian kerana pengaruh rakan sebaya. Isu ini telah menjadi kegusaran hati semua pihak.

Sumber : *Dewan Masyarakat*, Bil. 11/2023

SOALAN

Huraikan punca yang dinyatakan dalam petikan di atas beserta punca-punca lain yang menyebabkan berlakunya masalah ini.

Kehendak / tugas soal :

Calon dikehendaki **menghuraikan punca yang dinyatakan dalam petikan** di atas **beserta punca-punca lain** yang menyebabkan berlakunya masalah ini iaitu:

- (i) kerana pengaruh rakan sebaya
- (ii) punca – punca lain

Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan isi dalam petikan sahaja – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
2. Calon menghuraikan isi luar sahaja – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

4

Setiap manusia mempunyai pelbagai minat dan kecenderungan dalam pekerjaan. Mereka akan mencari kerjaya yang bersesuaian dengan minat dan bakat yang dimiliki seperti bekerja sebagai jurujual atau menjadi pereka fesyen. Namun begitu, terdapat cabaran dalam mencari kerjaya yang bersesuaian dengan minat dan bakat dalam diri seseorang pada masa ini.

Sumber : *Dewan Ekonomi*, Bil 9/2024

SOALAN

Berdasarkan pernyataan dalam petikan , huraikan cabaran-cabaran untuk memenuhi pasaran kerja pada masa ini.

Kehendak / tugas soal :

Calon dikehendaki **menghuraikan** cabaran-cabaran untuk memenuhi pasaran kerja .

Kemungkinan jawapan

Jika calon menulis selain daripada cabaran dan menepati tema – maksimum peringkat **MEMUASKAN**.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

PERINGATAN**PERKATAAN YANG DIKIRA SEBAGAI SATU PATAH PERKATAAN**

1. **Puisi**
2. **Alamat**
3. **Tarikh**
4. **Nama Khas**
5. **Peribahasa**
6. **Maksud Hadis / Al-Quran / Kata-kata Tokoh**
7. **Penanda wacana**
8. **Tajuk (Rencana / Surat)**
9. **Kata sendi di... (rumah) dan ke... (sana)**
10. **Angka**

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT